

NCER TARIK PELABURAN RM16 BILION WALAUPUN DALAM KRISIS PANDEMIK

Kewujudan 19,652 peluang pekerjaan bukti keyakinan berterusan pelabur terhadap Malaysia, kata PM

Kuala Lumpur, 25 Jun 2021 – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) hari ini mengumumkan kejayaan memperoleh pelaburan bernilai lebih RM16 bilion pada tahun 2021 dan bakal mencipta 19,652 peluang pekerjaan. Kejayaan ini merupakan bukti keyakinan berterusan para pelabur terhadap usaha Kerajaan dalam mengurus dan menangani pandemik COVID-19 di dalam negara.

Pengumuman tersebut dibuat pada Mesyuarat Majlis NCIA Ke-26 yang diadakan secara sidang video dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Pada mesyuarat yang sama, Perdana Menteri turut menyaksikan lapan (8) buah syarikat menyatakan komitmen pelaburan berimpak tinggi di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

Pelaburan yang diterima oleh NCIA dengan kolaborasi Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) itu adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjayakan Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan Perdana Menteri pada 15 Jun 2021.

Pelaburan yang diperoleh NCIA pada tahun ini juga adalah bukti kejayaan agensi berkenaan dalam membina ekosistem berdaya tahan yang mendorong pemulihan era pasca pandemik COVID-19 dan pada masa yang sama menyediakan jaringan keselamatan sosial untuk Rakyat.

Pihak NCIA pada mesyuarat itu juga telah membuat pembentangan berhubung perkembangan terkini projek-projek sosioekonomi seperti pelan pemulihan COVID-19 dan juga pelaksanaan program modal insan yang bertumpukan kepada pembangunan Rakyat di NCER.

Turut serta pada mesyuarat tersebut adalah Menteri Kewangan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Ketua Setiausaha Negara, Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi negeri-negeri di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS dan Pengerusi SIRIM yang mewakili sektor swasta.

Terdahulu di dalam perutusannya kepada mesyuarat, Perdana Menteri berkata pelaburan-pelaburan yang menggalakkan itu menunjukkan keyakinan para pelabur terhadap asas-asas ekonomi negara ini walaupun berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19.

Menurutnya, komitmen-komitmen pelaburan serta peluang pekerjaan yang bakal disediakan adalah tanda keyakinan komuniti pelabur terhadap daya maju Malaysia dan negeri-negeri NCER.

"Di bawah Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan pada 15 Jun lalu, Kerajaan berusaha untuk memberikan vaksin kepada sebanyak mungkin populasi di Malaysia menjelang akhir tahun ini atau lebih awal. Ini akan membantu memulihkan situasi pandemik yang sedang melanda termasuk aktiviti-aktiviti perniagaan dan ekonomi. Komitmen-komitmen pelaburan seperti yang kita lihat hari ini insya-Allah akan mendukung dan mempercepatkan proses pemulihan kita, khususnya di NCER," kata Perdana Menteri.

Pelaburan yang diperoleh NCIA pada tahun ini adalah bukti kejayaan agensi berkenaan dalam membina ekosistem berdaya tahan yang mendorong pemulihan era pasca pandemik COVID-19 dan pada masa yang sama menyediakan jaringan keselamatan sosial untuk Rakyat.

Pelaburan-pelaburan yang berjaya diperoleh juga adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Staregik NCER (NCER SDP 2021-2025). NCER SDP yang bertunjangkan wawasan 'Pembangunan dengan Kesaksamaan' atau '*Growth with Equity*' dalam usaha menjadikan NCER wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025 dan menumpukan kepada usaha-usaha pemulihan sosio-ekonomi untuk rakyat dan komuniti perniagaan.

Pada majlis hari ini, dua pelabur perintis telah bersetuju untuk menyuntik pelaburan kumulatif bernilai RM1.55 bilion dalam projek Kedah Rubber City (KRC), iaitu Taman Perindustrian Getah yang pertama di Malaysia. Pembangunan kemudahan infrastruktur di KRC kini mendahului jadual dan pelaksanaan projek pelabur akan bermula dari suku keempat (Q4) 2021 dan seterusnya.

Pelabur-pelabur terlibat adalah Hong Seng Industries Sdn Bhd (RM1.5 bilion) and LTS Logistics Sdn Bhd (RM55 million). Secara keseluruhannya, pelaburan oleh kedua-dua syarikat ini dijangka mewujudkan 2,630 peluang pekerjaan.

Dengan merangkaikan pengeluaran getah utama serantau di kawasan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), KRC akan memperkukuhkan rantaian nilai getah meliputi segmen hulu (upstream), pertengahan (midstream) dan hiliran (downstream) di sub-wilayah IMT-GT yang membolehkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjadi lebih berdaya saing.

NCER terus menarik pelaburan dalam industri peralatan perubatan, yang telah menyaksikan pertumbuhan pesat dalam tempoh ini. Aspen Glove Sdn Bhd melabur RM4.5 bilion di Kulim Hi-Tech Park (KHTP) untuk mengeluarkan sarung tangan pembedahan Nitrile dan Getah Asli. Sementara itu, Ammorium Resources Sdn Bhd akan melabur sebanyak RM1.4 bilion untuk merancang, membangun dan mengeluarkan produk-produk sarung tangan ujian gred-perubatan nitril di Tronoh, Perak.

Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) terus menjadi penjana utama pertumbuhan di NCER. Syarikat yang berpangkalan di Bayan Lepas, Pulau Pinang, iaitu Intel Technology Sdn Bhd dan Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd, kedua-duanya anak syarikat milik penuh syarikat yang tersenarai di dalam Fortune 500, akan melabur RM4.4 bilion dan dianggar mewujudkan sebanyak 1,593 peluang pekerjaan.

Sementara itu, Greatech Integration (M) Sdn Bhd yang berpangkalan di Batu Kawan, Pulau Pinang, sebuah syarikat tempatan dan penyedia perkhidmatan penyelesaian bertaraf dunia dalam sektor automasi kilang, mesin dan kelengkapan industri E&E akan membuat pelaburan tambahan bernilai RM1.6 bilion untuk kemudahan-kemudahan baharu operasinya yang dijangka memulakan operasi pada suku keempat (Q4) 2021. Ini dijangka mewujudkan 450 peluang pekerjaan.

Sebuah lagi pelabur dari sektor E&E adalah Infineon Technologies (Kulim) Sdn Bhd, yang menyuntik pelaburan sebanyak RM2.65 bilion untuk membina kemudahan fabrikasi *wafers* berteknologi tinggi dan bersepadu di KHTP. Fasiliti ini adalah pusat kecekapan untuk fabrikasi *wafers* semikonduktor yang memfokuskan pada *megatrends* dalam teknologi pengurusan automotif dan pengurusan kuasa. Pelaburan Infineon akan mewujudkan 1,815 peluang pekerjaan baru.

Pelaburan oleh ketiga-tiga syarikat ini mencerminkan keyakinan industri terhadap ekonomi pasca pandemik di negara dan wilayah ini serta menunjukkan potensi sangat besar bagi sektor E&E pada masa hadapan.

Intel, Greatech dan Infineon juga mengambil bahagian dalam program pembangunan modal insan iaitu NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) yang menyediakan peluang-peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada graduan-graduan tempatan.

Antara Projek strategik lain di NCER adalah NCER Agriculture Economic Zone (NAEZ) di Chuping-Bukit Kayu Hitam dan Transkrian. Projek serantau ini disokong oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi-agensinya dan akan memacu kemajuan Malaysia dalam sektor pertanian makanan atau *agrofood*, selain memastikan jaminan keselamatan makanan negara (*National Food Security Agenda*). NAEZ dijangka menjana impak ekonomi sebanyak RM6.1 bilion, menarik pelaburan swasta sejumlah RM5 billion dan mewujudkan lebih 17,600 peluang pekerjaan menjelang 2025 untuk wilayah ini.

Selari dengan inisiatif NAEZ, FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd, anak syarikat milik penuh FGV Holdings Berhad pula kini dalam proses mengubah Chuping menjadi kawasan pertanian berskala besar untuk aktiviti-aktiviti pertanian utama. Projek ini akan membuka potensi kawasan pertanian seluas hampir 4,500 hektar di FGV Chuping Agro Valley menerusi pembangunan Ladang Tanaman Kontan Nilai Tinggi Bersepadu atau *Integrated High-Value Cash Crop Plantation* dan potensi pengembangan penternakan tenusu berskala besar bersepadu yang akan dimulakan setelah selesai kajian kelayakan (*feasibility studies*) dan teknikal yang komprehensif pada akhir 2021.

Datuk Seri Jebasingam menambah bahawa program modal insan bersepadu NCIA terutamanya Kasih Ibu NCER dan program *fast-track*, JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER sejajar dengan usaha Kerajaan untuk membantu rakyat serta PKS dan perniagaan mikro bangkit semula susulan pandemik COVID-19.

"Ini adalah petanda-petanda awal kebangkitan ekonomi akan berlaku tidak lama lagi. Ia membawa lembaran baharu yang amat dinantikan oleh semua pihak," tambahnya.

-TAMAT-

NOTA KEPADA PENGARANG:

Mengenai NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah pihak berkuasa wilayah yang bertanggungjawab membentuk hala tuju, merangka dasar-dasar dan strategi-strategi dalam memajukan pembangunan sosio-ekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Ia ditubuhkan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang merangkumi negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang di utara Semenanjung Malaysia. Ketua Pegawai Eksekutif NCIA adalah Datuk Seri Jebasingam Issace John.

NCIA memacu pembangunan NCER ke arah menjadi wilayah ekonomi cemerlang dengan memangkin dan melaksanakan program-program bernilai tambah tinggi dalam enam (6) kluster ekonomi: Pembuatan, Perniagaan Agri, Petrokimia, Perlombongan, Ekonomi Hijau dan Perkhidmatan (Termasuk Pelancongan, Logistik, Kesalinghubungan dan Ekonomi Digital)

Hubungan media::

YM Raja Dato' Zamalia Raja Mansur Ketua, Unit Komunikasi Korporat Email: rajazamalia@ncer.com.my Mobile: + 019 286 2944 DL: + 604-502 0708	En. Ariff bin Ahmad Ketua, Perhubungan Awam dan Pengurusan Media Unit Komunikasi Korporat Emel: ariffahmad@ncer.com.my Mobile: + 016 328 8944 GL: + 604-502 0708
---	---

Maklumat Tambahan Pelaburan Berimpak Tinggi dan Penciptaan Pekerjaan di NCER



KEDAH	
 Hong Seng Industries Sdn. Bhd.	<p>The company acquired a total of 102.6 acres of land to produce nitrile butadiene latex (NBR) and nitrile glove manufacturing plant.</p>
 LTS Logistics Sdn. Bhd.	<p>The company acquired 11.93 acres of land and will build a 150,000 sq ft warehouse as a logistics hub and container depot as part of the ecosystem in Kedah Rubber City</p>
 Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.	<p>Infineon, a German MMC, established its first & only highly-integrated front-end wafer fabrication facility in Asia in Kulim Hi-Tech Park, Malaysia in September 2006. The plant is a competence centre for semiconductor wafer fabrication, focusing on megatrends in automotive and power management technologies. Infineon's operations in Kulim, Kedah encompass full production value chain and end-to-end semiconductor manufacturing process, with R&D, Wafer Fabrication and Assembly & Testing.</p>
 Aspen Glove Sdn. Bhd.	<p>The company is acquiring 222 acres of land in Kulim High Tech Park to manufacture premier medical examination gloves</p>
Handing over of Sub Lease Agreement (SLA) to Kedah Rubber City (KRC) Pioneer Investors	
Investment Value RM 1.5 billion	Investment Value RM 55 million
Job Creation 2,600	Job Creation 30
Dato' Teoh Hai Hin Executive Chairman	Mr. Lee Kah Chye Group Chief Executive Officer
Location KEDAH RUBBER CITY (KRC)	Location KEDAH RUBBER CITY (KRC)
Handing over of NTEP LOA	
Investment Value RM 4.5 billion	Investment Value RM 2.65 billion
Job Creation 10,800	Job Creation 1,815
Iskandar Basha Abdul Kadir Managing Director	Mr. Ng Kok Tiong Senior Vice President & Managing Director
Location KULIM HIGH TECH PARK (KHTP)	Location KULIM HI-TECH PARK (KHTP), Kulim, Kedah
Handing over of NTAX@NCER LOA	

PERLIS	PERAK	PENANG
 <p>FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd.</p> <p>The company is transforming NAEZ Chuping into fully-integrated agriculture belt with presence across the whole value chain and aim to become one of the leading Agro-valley hubs in Malaysia</p>	 <p>Ammorium Resources Sdn. Bhd.</p> <p>The company is developing 54 acres of land in Tronoh to design, develop and manufacture premier nitrile medical examination gloves</p>	 <p>Greatech Integration (M) Sdn. Bhd.</p> <p>A Malaysian-based Large Local Company (LLC) leading automation solutions provider involved in the design, development and production of system, machinery and equipment to cater for manufacturing processes needs as well as to provide value-added services including parts, training and after-sales support.</p>
<p>Investment Commitment Announcement</p> <p>Investment Value NA</p> <p>Job Creation NA</p> <p>YBhg. Dato' Dzulkifli Abd. Wahab Chairman</p> <p>Location Chuping Agro Valley (CAV)</p>	<p>Handing over of NTAX LOA</p> <p>Investment Value RM 1.4 billion</p> <p>Job Creation 2,364</p> <p>Mr. Raymond Tee Chief Executive Officer</p> <p>Location TRONOH, PERAK</p>	<p> Intel Technology Sdn. Bhd. & Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd.</p> <p>The companies are wholly owned subsidiaries of a FORTUNE 500 listed company involving in the assembly and testing of integrated semi-conductor devices, research, design and development and global service centre activity.</p> <p>Handing Over of NTEP@NCER Letters of Award (LOA)</p> <p>Investment Value RM 1.6 billion</p> <p>Job Creation 450</p> <p>Mr. Tan Eng Kee Chief Executive Officer</p> <p>Location BATU KAWAN</p>
<p>Investment Commitment Announcement</p> <p>Investment Value NA</p> <p>Job Creation NA</p> <p>YBhg. Dato' Dzulkifli Abd. Wahab Chairman</p> <p>Location Chuping Agro Valley (CAV)</p>	<p>Handing over of NTAX LOA</p> <p>Investment Value RM 1.4 billion</p> <p>Job Creation 2,364</p> <p>Mr. Raymond Tee Chief Executive Officer</p> <p>Location TRONOH, PERAK</p>	<p>Handing Over of NTEP@NCER Letters of Award (LOA)</p> <p>Combined Investment Value RM 4.4 billion</p> <p>Combined Job Creation 1,593</p> <p>Mr. Eric Chan Vice President & General Manager of IOTG Customer Engineering</p> <p>Location BAYAN LEPAS</p>

Program-Program Bersepadu Modal Insan NCER Memberi Tumpuan Kepada Rakyat Selari Dengan Pelan Pemulihan Nasional




Program-program Modal Insan NCER Yang Memberi Tumpuan Rakyat Menangani Impak Pandemi COVID-19 Bagi Membolahkan Kumpulan Rentan dan Komuniti Perniagaan Mencapai Kelangsungan Selari Dengan Pelan Pemulihan Nasional



Memberi bantuan kepada penerima yang layak melalui kad tanpa tunai untuk membeli keperluan asas dan faedah penjagaan kesihatan di klinik swasta

Objektif & outcome


- Ringankan beban pada masa yang mencabar ini terutama bagi mereka yang berpendapatan tidak stabil
- Menyediakan bekalan barang keperluan dan rawatan kesihatan
- Diberi keutamaan untuk berdaftar dengan program empowerNCER



Meningkatkan kebolehpasaran dan memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang menganggur melalui rakan sektor swasta melalui insentif modal insan

Objektif & outcome

- Peluang pekerjaan untuk pekerja yang diberhentikan dan graduan yang menganggur
- Meningkatkan kualiti hidup dan memastikan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri dalam NCER



Program latihan peningkatan kemahiran yang merangkumi akademik dan keusahawanan untuk memperkasakan masyarakat di NCER

Objektif & outcome

- Meningkatkan pendapatan isi rumah belia, wanita, ibu tunggal dan pekerja yang diberhentikan kerja melalui kemahiran dan keusahawanan
- Galakkan pendaftaran dengan SSM agar layak mendapat faedah sokongan perniagaan yang lain
- Galakkan penggunaan digital dan e-dagang



Membantu usahawan mikro dan PKS di NCER melalui pembiayaan dan panduan dalam mengembangkan perniagaan mereka

Objektif & outcome


- Memberi bantuan kewangan kepada perusahaan mikro dan PKS untuk memulakan perniagaan
- Galakkan penggunaan platform digital dan e-dagang untuk memperkayakan perniagaan
- Sokongan menerusi bimbingan perniagaan dan pengembangan produk



Bantuan kewangan dalam bentuk geran kepada syarikat Bumiputera dengan memberikan 15% atau maksimum RM2 juta dari jumlah kos projek yang layak

Objektif & outcome

- Memperluas perniagaan syarikat Bumiputera
- Menghasilkan lebih banyak pekerjaan dan limpahan kesan serta meningkatkan pertumbuhan syarikat
- Mengelakkan gangguan aliran tunai, meningkatkan kelestarian syarikat dan mengesahkan pekerja sedia ada



Insentif modal insan bagi syarikat untuk mengambil siswazah penganggur, pekerja yang diberhentikan kerja dan lepasan sekolah sebagai pekerja kontrak, pekerja sambilan & pelatih siswazah.

Objektif dan outcome

- Peluang pekerjaan untuk pekerja yang diberhentikan kerja dan graduan yang menganggur
- Meningkatkan kualiti hidup dan memastikan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan industri di NCER

Sektor Sasaran

- Elektrik & Elektronik
 - Pembuatan
 - Berteknologi Tinggi
 - Peranti Perubatan
 - Ekonomi Digital
 - Pertanian Pihlar
- Kumpulan sasaran**
- Graduan menganggur atau diberhentikan kerja, pemegang diploma & sijil, lepasan sekolah

Butiran program

- Bayaran pendahuluan 3 bulan untuk pengambilan pekerja pada tahun 2020
- Perajian 18 bulan
- Pengambilan dalam tempoh 1 bulan
- Terhad pada jumlah pemegang diploma peserta



Program modal insan inklusif yang menyediakan latihan kemahiran, keusahawanan asas dan e-dagang untuk penempatan pekerjaan atau menjadi usahawan, serta insentif kepada SME dan usahawan mikro untuk mewujudkan pekerjaan.

Objektif dan outcome

- Meningkatkan pendapatan dengan menempatkan pekerjaan dengan produktiviti yang lebih tinggi
- Menggalkan penggunaan digital dan e-dagang
- Pendaftaran dengan SSM setelah tamat latihan

Kumpulan sasaran

- Belia, wanita, ibu tunggal, Orang Asli
- Graduan yang tidak bekerja, pekerja yang diberhentikan kerja
- Komuniti dari kawasan yang kurang maju

Butiran program

- Latihan dijalankan dalam masa 1 bulan
- Modul e-commerce diwajibkan
- Insentif penempatan kerja kepada syarikat dengan subsidi gaji RM600 untuk setiap peserta sebulan untuk 6 bulan